

25 MAY 2003

Hilmi-Rumah (Bergambar)

KERAJAAN P.PINANG AKUI PEMBANGUNAN PERUMAHAN TIDAK SEIMBANG

PULAU PINANG, 25 Mei (Bernama) -- Kerajaan negeri mengakui masih wujud pembangunan perumahan yang tidak seimbang di kawasan bandar dengan masih terdapat penduduk yang ketinggalan dan tinggal di kawasan yang sesak serta tidak sempurna.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Hilmi Yahaya berkata kerajaan negeri telah mengenal pasti kawasan berkenaan dan menjangkakan dapat menyediakan kira-kira 5,000 unit rumah kos rendah dan sederhana rendah kepada rakyat yang terlibat dalam tempoh 10 tahun lagi.

"Keadaan kesesakan dan perumahan yang tidak sempurna masih berlaku di negeri ini. Kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Basmi Kemiskinan di Bandar yang ditubuhkan tahun lepas dan dipengerusikan oleh saya telah mengenal pasti kawasan terlibat di bahagian pulau dan Seberang Perai," katanya.

Beliau juga berkata kerajaan negeri menerima baik teguran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengenai ketidakseimbangan pembangunan perumahan di negeri ini.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Program Jatidiri Rakan Muda Badan Pencegah Rasuah (BPR) Zon Utara di sini hari ini, beliau berkata beberapa kampung yang sesak, mundur serta kawasan setinggan akan dijadikan projek perumahan oleh kerajaan negeri dengan kerjasama sektor swasta.

Perdana Menteri ketika melancarkan projek tebusguna tanah di Tanjung Tokong di sini semalam menegur kerajaan negeri kerana masih terdapat penduduk di negeri ini yang tinggal dalam rumah-rumah yang tidak selesa, sama seperti keadaan pada tahun 1950an dahulu.

Dr Mahathir melahirkan kekecewannya kerana kemajuan dan pembangunan yang dilaksanakan di negeri ini tidak seimbang sehingga menyebabkan masih terdapat penduduk yang ketinggalan dan hidup seperti zaman sebelum Perang Dunia Kedua.

Hilmi berkata tumpuan akan diberikan kepada kawasan sepanjang Sungai Pinang, Jelutong, Kampung Pisang Awak dan Batu Uban di bahagian pulau serta Bagan, Ujung Batu, Ampang Jajar, Rumah Hijau dan Sungai Rambai di Seberang Perai.

Katanya, di Sungai Pinang, kira-kira 200 unit rumah pangsa kos rendah tiga bilik berharga RM42,000 seunit akan dibina di atas tanah milik Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP) manakala beberapa tapak milik MAIPP, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan kerajaan negeri juga sedang dikenal pasti untuk projek yang sama.

Hilmi berkata, kerajaan negeri turut menukar dasar pembinaan perumahan di kawasan bandar daripada kos sederhana rendah kepada kos rendah untuk membolehkan lebih ramai rakyat memiliki rumah.

-- BERNAMA

SA RHM